

# KENYATAAN MEDIA

## **SSM UMUM KRITERIA BAHARU PENGECAULIAN AUDIT BAGI SYARIKAT PERSENDIRIAN DI MALAYSIA MELALUI PENERBITAN ARAHAN AMALAN BIL. 10/2024**

**Kuala Lumpur, 18 Disember 2024** – Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah mengumumkan kriteria baharu pengecualian audit penyata kewangan bagi syarikat persendirian di Malaysia melalui penerbitan Arahan Amalan Bil. 10/2024 bertajuk *Qualifying Criteria For Audit Exemption For Certain Private Companies In Malaysia* pada 16 Disember 2024.

Langkah ini selaras dengan komitmen SSM untuk meningkatkan kualiti pengauditan bagi penyata kewangan di negara ini, di samping mengurangkan beban pematuhan yang dihadapi oleh syarikat persendirian. Kriteria baharu ini akan memberikan manfaat kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), mengurangkan kos pematuhan serta memastikan kecekapan dan ketelusan amalan tadbir urus korporat terus berada di tahap terbaik.

Kriteria baharu pengecualian audit akan berkuat kuasa bagi tahun kewangan yang bermula pada 1 Januari 2025. Kriteria semasa akan kekal berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2024 dan terus terpakai bagi penyata kewangan untuk tempoh yang bermula sebelum 1 Januari 2025.

Kriteria baharu pengecualian audit yang diperkenalkan ini telah melalui beberapa siri konsultasi bermula dari Februari 2023 sehingga Jun 2024 dan telah mendapat maklum balas yang baik dengan 88% responden menyokong pelaksanaan kriteria baharu tersebut.

SSM telah mengambil kira serta mempertimbangkan setiap komen, pandangan dan cadangan yang diterima dalam menilai penetapan kriteria terbaik bagi mengimbangi polisi dan keperluan perundangan dengan tanggungjawab pelaporan kewangan di kalangan entiti korporat.

Melalui Arahan Amalan Bil. 10/2024 yang baharu diperkenalkan ini, syarikat yang ingin mendapatkan pengecualian audit perlu memenuhi mana-mana dua daripada tiga kriteria yang ditetapkan.

Kriteria pertama adalah perolehan tahunan syarikat tidak melebihi RM3,000,000 dalam tahun kewangan semasa dan dua tahun kewangan terdahulu.

Kriteria kedua adalah jumlah aset syarikat dalam tahun kewangan semasa dan dua tahun kewangan terdahulu tidak boleh melebihi RM3,000,000.

Kriteria ketiga pula, bilangan pekerja pada akhir tahun kewangan semasa dan dua tahun kewangan sebelumnya tidak melebihi 30 orang.

Syarikat juga layak mendapat pengecualian audit sekiranya berstatus dorman sejak penubuhan atau dorman pada tempoh semasa dan satu tahun kewangan terdahulu.

Bagi memastikan kelancaran dan ketersediaan semua pihak dalam menghadapi perubahan kelayakan, kenaikan nilai ambang akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh tiga tahun.

Fasa 1 melibatkan penyata kewangan yang bermula di antara 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025 dengan serah simpan

dokumen bermula dari 1 Januari 2026. Dalam fasa ini, perolehan tahunan dan nilai aset ditetapkan pada kadar maksimum RM1,000,000 dengan jumlah pekerja tidak melebihi 10 orang.

Fasa 2 pula terpakai untuk penyata kewangan yang bermula di antara 1 Januari 2026 sehingga 31 Disember 2026 dengan serah simpan dokumen bermula dari 1 Januari 2027. Dalam fasa ini, perolehan tahunan dan nilai aset ditetapkan pada kadar maksimum RM2,000,000 dengan jumlah pekerja tidak melebihi 20 orang.

Fasa 3 terpakai untuk penyata kewangan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2027, dengan serah simpan dokumen bermula dari 1 Januari 2028. Perolehan tahunan dan nilai aset ditetapkan pada kadar maksimum RM3,000,000 dengan jumlah pekerja tidak melebihi 30 orang.

Dalam semua fasa, nilai ambang maksimum kesemua kriteria untuk dua tahun kewangan terdahulu tidak boleh melebihi nilai ambang maksimum yang ditetapkan bagi fasa tersebut.

Arahan Amalan Bil. 10/2024 boleh diakses melalui portal rasmi SSM, [www.ssm.com.my](http://www.ssm.com.my).

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi SSM Customer Care (SSMCC) di bahagian Aduan & Maklumbalas, SSM Chatbot (24 jam, 7 hari), Live Chat SSM (8.00 pagi hingga 5.30 petang, Isnin hingga Jumaat, kecuali hari cuti umum) melalui portal rasmi SSM, talian telefon 03-7721 4000 atau emel ke [enquiry@ssm.com.my](mailto:enquiry@ssm.com.my).

**DIKELUARKAN OLEH: SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
TARIKH: 18 DISEMBER 2024**